

07 JAN 2003

TENAGA-KEUNTUNGAN/I

TNB YAKIN KEKALKAN KEUNTUNGAN BERSIH MELEBIHI RM1 BILION DLM TAHUN

KEWANGAN 2003

Oleh: Mohd Arshi Daud

KUALA LUMPUR, 7 Jan (Bernama) -- Tenaga Nasional Bhd (TNB) yakin dapat mengekalkan keuntungan bersihnya melebihi RM1 bilion dalam tahun kewangan semasa yang berakhir pada 31 Ogos, 2003, kata pengerusinya yang baru dilantik, Datuk Dr Awang Adek Hussin.

"Saya tidak nampak mengapa kami tidak mampu mengekalkan keuntungan RM1 bilion hingga RM1.5 bilion," katanya kepada Bernama dalam satu wawancara baru-baru ini.

Bagi tahun kewangan yang berakhir pada 31 Ogos, 2002, TNB mencatatkan keuntungan selepas cukai RM1.4 bilion dan pendapatan RM15.4 bilion berbanding RM2.1 bilion keuntungan selepas cukai dan RM14.4 bilion pendapatan pada tahun sebelumnya.

Keyakinan Dr Awang Adek itu berasaskan kepada harapan bahawa tiada sebarang masalah besar muncul dalam tempoh jangka pendek.

Beliau berkata selagi ekonomi Malaysia berkembang pada kadar unjuran kira-kira 5.0 peratus, TNB boleh meraih faedah daripada unjuran pertumbuhan enam peratus dalam permintaan elektrik.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini membuat unjuran konservatif 4.0-5.0 peratus bagi keluaran dalam negara kasar pada 2003 berbanding sehingga enam peratus yang diunjurkan oleh pihak berkuasa kewangan sebelum ini.

"Sememangnya ekonomi dunia boleh menjadi teruk, kita juga mungkin tidak terkecuali tetapi di dalam keadaan biasa, kami sepatutnya boleh mengekalkan keuntungan RM1 bilion hingga RM1.5 bilion," kata Dr Awang Adek, yang dilantik pada 1 Dis, 2002, menggantikan Datuk Dr Jamaludin Mohd Jarjis, yang dilantik sebagai Menteri Kewangan Kedua pada 21 Nov, 2002.

Menyentuh mengenai perkembangan lain, Dr Awang Adek berkata perbelanjaan modal besar yang terpaksa di tanggung oleh TNB setiap tahun (biasanya pada purata RM4 bilion hingga RM5 bilion) tidak akan berterusan selamanya.

"Pada beberapa tahap, apabila kami telah melaksanakan segala-galanya, dengan keupayaan penjana kami berjalan lancar, sistem transmisi kami dipermodenkan dan menjadi lebih cekap, barulah mungkin sebahagian daripada perbelanjaan modal besar ini akan berkurangan secara beransur-ansur."

Untuk tempoh jangka panjang, beliau berkata ia akan membawa TNB kepada kedudukan kewangan yang lebih kukuh bagi menangani masalah hutangnya.

Beliau berkata hutang TNB yang kini berjumlah lebih RM29 bilion, adalah satu perkara biasa dalam industri kuasa dan bukan sesuatu yang perlu dibimbangi oleh pelabur-pelabur, kata Dr Awang Adek.

"Tahap gearan kami pada 1.6 (kali) bermula tahun lalu turun daripada 1.7 pada tahun sebelumnya. Ia mungkin kelihatan besar tetapi sebenarnya ia masih lagi di bawah kawalan bagi sesebuah syarikat besar seperti kami."

Beliau juga menyangkal pandangan bahawa hutang TNB akan meningkat kerana syarikat itu perlu meminjam bagi membiayai sebahagian daripada perbelanjaan modalnya.

"Saya tidak rasa anda perlu fikir jumlah RM29 bilion (nilai hutang) ini semakin meningkat kerana terdapat pembayaran semula dan keupayaan kami membayar faedah serta kekukuhan pendapatan dana pemegang saham kami yang besar."

TNB, katanya, akan meneruskan usaha-usaha untuk mengurangkan gearan menerusi pengumpulan lebih banyak modal daripada membuat pinjaman, menjual aset bukan teras seperti melupuskan pegangan dalam beberapa pengeluaran kuasa

bebas, menukarkan pinjaman luar dengan pinjaman domestik dan menukarkan pinjaman kadar tetap dengan kadar terapung bagi mengambil kesempatan daripada kadar faedah yang rendah ketika ini.

"Kami berusaha untuk mendapatkan pembiayaan berstruktur bagi menguruskan dengan baik keperluan pinjaman kami dan pada masa yang sama memastikan kesan minimum dalam nisbah gearan kami," katanya.

Dr Awang Adek berkata tahun ini, TNB memperuntukkan RM4.4 bilion sebagai perbelanjaan modal bagi mengekalkan projek sedia adanya di mana kira-kira RM1.5 bilion hingga RM1.8 bilion bagi pengagihan.

Perbelanjaan modal tahun ini akan membolehkan TNB memenuhi unjuran enam peratus "atau mungkin lebih tinggi" permintaan elektrik bagi 2003, katanya.

Sebanyak 43 peratus perbelanjaan modal tahun ini dibiayai daripada dana dalaman dan selebihnya daripada sumber luar.

"Saya tidak fikir terdapat sebarang rancangan pada 2003 untuk mengumpul wang. Tetapi hanya selepasnya bagi bon," katanya.

Di samping perbelanjaan modal RM4.4 bilion bagi tahun ini, TNB akan memperuntukkan RM1.8 bilion lagi "bagi projek-projek baru, sebahagiannya akan dibawa ke depan bagi menangani isu-isu seperti penjanaan dan transmisi," kata Dr Awang Adek. -- BERNAMA

MAD SHY ZK